

**BAB 4**  
**KECERDASAN EMOSI WATAK LELAKI**  
**MENERUSI NOVEL *SYABAB MUSAFIR KASIH*:**  
**KARYA FATIMAH SYARHA**  
*Siti Nur Anis Muhammad Apandi dan*  
*Nurhusnina Kamaruddin*

**PENGENALAN**

Pengkarya novel *Syabab Musafir Kasih* ialah Fatimah Syarha binti Mohd Nordin. Beliau dilahirkan pada 17 Oktober 1984 di Hospital Sultanah Zahirah. Beliau merupakan seorang novelis anak kelahiran negeri Terengganu dan beliau juga merupakan seorang graduan di UIAM dalam bidang Kuliyyah Ilmu Wahyu dan Sains Kemanusiaan, pengkhususan dalam Fiqh dan Psikologi, Ijazah Bacaan al-Quran bersanad dan Daurah Bahasa Arab di Universiti Syeikh Ahmad Kiftaro, Damsyik, Syria dan Master di UIAM dalam bidang Fiqh dan Usul al-Fiqh. Selain daripada novel *Syabab Musafir Kasih*, beliau juga turut menyumbang dalam penghasilan karya seperti *Tautan Hati*, *Sebarkan Cinta-Mu*, *Risalah Hati*, *Cinta High Class & Cintaku Kerana Agama* dan karya-karyanya yang lain.

Melalui novel *Syabab Musafir Kasih*, Fatimah Syarha menampilkan nasib seorang anak yang tabah dalam menghadapi liku-liku kehidupannya walaupun terpaksa menelan kepahitan yang dilalui oleh seorang watak yang bernama Syabab. Syabab telah menghadapi pelbagai dugaan sehingga beliau terus bangkit menjadi seorang yang berjaya dan bahagia dalam hidupnya. Malahan Syabab juga berjaya membuatkan masyarakat di kampung tersebut menyukainya walaupun pada awalnya kehidupan yang dilalui oleh watak tersebut tidak disukai oleh masyarakat kampung disebabkan kesempitan hidup serta sikapnya yang nakal. Dalam